From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Wednesday, 15 February, 2023 5:08:16 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: REJIMENTAL TINGKAT KETAHANAN, SEMANGAT BERPASUKAN

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

15 FEBRUARI 2023 / 24 REJAB 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

REJIMENTAL TINGKAT KETAHANAN, SEMANGAT BERPASUKAN



UUM ONLINE: Kejayaan sesebuah organisasi bukan sahaja bergantung kepada kemampuan pengurusan dan kepimpinan dalam organisasi malah dipengaruhi juga oleh faktor disiplin serta ketahanan mental dan

fizikal pentadbir.

Penolong Pendaftar Kanan, Unit Latihan, Jabatan Pendaftar, Kartini Tajul Urus berkata, Program Rejimental Siri 1-2023 Bagi Pegawai Tadbir & Ikhtisas Dan Pegawai Kumpulan Sokongan 1 Universiti Utara Malaysia (UUM) bertujuan meningkatkan semangat kerja berpasukan secara lebih berkesan berdasarkan elemen saling melengkapi.

Jelasnya, rejimental yang bermula semalam dianjurkan oleh Unit Latihan Jabatan Pendaftar dengan kerjasama Markas PALAPES UUM untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan staf agar bekerjasama dengan lebih mantap dalam satu pasukan.

Latihan lasak yang diharungi 80 Pegawai Tadbir dan Iktisas dan Pegawai Kumpulan Sokongan 1 berupaya meningkatkan kerjasama antara pasukan selain menguji kekuatan mental dan fizikal.

“Usaha ini untuk menyemai sikap, nilai dan kebolehan pegawai dalam melaksanakan tanggungjawab dalam tempoh masa yang ditetapkan selain membantu meningkatkan ketahanan fizikal dan mental pegawai.

“Sepanjang program rejimental, semua peserta mempamerkan daya juang dan semangat yang tinggi ketika menjalani latihan serta sikap positif dan saling bekerjasama di antara satu sama lain, syabas semua,” katanya.

Tambahnya, tempoh latihan yang berlangsung selama tiga hari yang disertai peserta dari pelbagai jabatan itu mampu membina daya ketahanan mental dan fizikal peserta dalam melaksanakan aktiviti lasak.

Aktiviti yang penuh cabaran ini antaranya latihan ‘abseiling’ dan ‘rapelling’, ‘water confidence’, ‘river crossing’, pertandingan log relay dan latihan kawad kaki yang merupakan salah satu daripada latihan yang dilalui untuk menerapkan disiplin dan bekerjasama yang tinggi.

Rejimental ini melibatkan beberapa lokasi berasingan seperti Kem PLKN Sintok, Padang Kawad PALAPES, Kem 6 RAMD dan kawasan sekitar Sintok dan Changlun.



UUM Consider
UUM Footer

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed

by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.